



TEKS UCAPAN
YB. DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'AZUMU
MENTERI BELIA & SUKAN MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN
INSTITUT SUKAN NEGARA KE-10
BERTEMPAT DI
DEWAN PERDANA ISN, BUKIT JALIL
PADA 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS), 10.00 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker
Timbalan Menteri Belia dan Sukan

YBrs. Puan Ramona binti Mohd Razali
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

YBrs. Encik Ahmad Faedzal bin Md. Ramli
Ketua Pegawai Eksekutif,
Institut Sukan Negara

YB Dato' Shahrul Zaman Yahya
Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia

YBhg. Datuk Seri Megat D Shahrizan Zaharudin
Presiden Majlis Paralimpik Malaysia

YBhg Tan Sri Datuk Dr. Mohd Daud Bakar
Pengerusi *Sports Technology Malaysia Sdn Bhd*

YBhg. Dato Pandelega Rinong Pamg

Atlet Olimpik Malaysia

Ahli-ahli lembaga ISN, dif-dif Kehormat, rakan penaja, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas izinNya jua dapat saya menerima jemputan Institut Sukan Negara (ISN) untuk merasmikan **Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Institut Sukan Negara (ISN)** pada pagi ini.
2. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun yang ke-10 buat ISN yang secara rasminya ditubuhkan pada **16 September 2011**. Apa yang menarik mengenai tarikh ini adalah ianya juga merupakan tarikh sambutan **Hari Malaysia** yang kita rakyat Malaysia raikan setiap tahun.

Para hadirian sekalian,

3. ISN mempunyai *niche* dan *character* yang tersendiri dalam ekosistem sukan Malaysia. Bermula sebagai Unit Perubatan Sukan dan Penyelidikan yang ditubuhkan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 1977, ISN telah melalui dan mengharungi pelbagai perubahan dan cabaran. Perjuangan dalam memartabatkan bidang sains, perubatan dan teknologi sukan diperkukuhkan lagi apabila Kerajaan mengumumkan ISN sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan pada 16 September 2011.

4. Sejak itu, ISN terus mengorak langkah memajukan sukan negara. Pada Februari 2016, melalui Model Sukan Baharu, ISN telah diberi mandat untuk menerajui Program PODIUM, sebuah program penyediaan atlet elit negara yang memfokus kepada prestasi dan persembahan kelas dunia (world class performance) secara lestari di kejohanan sukan antarabangsa utama melalui pendekatan berprestasi tinggi dan pengkaedahan saintifik. Dan saya percaya budaya sukan prestasi tinggi yang holistik ini harus kekal sebagai satu prinsip penyediaan atlet oleh semua pemegang taruh yang terlibat.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Ekosistem sukan di peringkat antarabangsa kini berkembang dengan begitu pesat sekali. Kemajuan sains, perubatan dan teknologi sukan dengan inovasi terkini bagi meningkatkan prestasi atlet perlu diberi perhatian seiring dengan *trend* di peringkat global. Setiap elemen dalam prestasi atlet perlu diperhalusi, diselidiki dan dikaji dalam kita mencari formula terbaik berteraskan sains dan teknologi untuk mempertingkatkan prestasi atlet.
7. Tidak dapat disangkal lagi proses melahirkan dan membangunkan atlet prestasi tinggi memerlukan khidmat kepakaran khusus dalam bidang-bidang seperti analisis sukan, pemakanan sukan, psikologi, suaian fizikal, perubatan sehinggalah aplikasi teknologi terkini. Dalam konteks ini saya mohon pemegang taruh dalam sukan memahami konsep ***trust the process*** ini.

8. Tugas mengenal pasti dan membangunkan bakat juga seharusnya menjadi satu fokus kita dalam menambahbaik ekosistem sukan negara. Saya gembira apabila ISN datang dengan idea penambahbaikan program MyTID KPM-KBS yang bertujuan untuk mengenal pasti bakat yang berpotensi dalam kalangan murid-murid sekolah. Program MyTID KPM-KBS ini dijangka akan membantu memperluaskan tapak penyertaan bakat- bakat (*Talent Pool*) seawal usia tujuh (7) tahun yang berpotensi di peringkat akar umbi untuk dikenal pasti serta bagi menambah baik proses MyTID sedia ada.

10. Saya juga percaya dokumen Pelan Bakat Sukan Kebangsaan yang sedang dalam proses akhir penyediaan akan dapat direalisasikan pada awal tahun hadapan, seterusnya menjadi panduan dan rujukan utama kepada semua pemegang taruh dalam ekosistem pengenalpastian dan pembangunan bakat sukan (TID). Melalui *Model MyTalent*, KBS berhasrat untuk memastikan ***everybody is on the same page*** dalam merangka program-program berkaitan TID ini seterusnya memastikan kesinambungan bakat-bakat baru bagi menjadi pelapis-pelapis atlet elit negara pada masa akan datang, selari dengan aspirasi Visi Sukan Negara (VSN2030).

Saudara dan saudari sekalian,

11. Sukan kini harus dilihat sebagai satu industri yang berupaya mencipta nilai (*value creation*) dan memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara. Sejajar dengan trend semasa, saya menyokong inisiatif ISN dalam program pengkomersialan, pendigitalan dan kolaborasi yang merupakan antara elemen

penting dalam arus norma baharu dalam usaha menjana sumber pendapatan baharu.

12. Keberanian ISN untuk keluar daripada model tradisional ini terserlah melalui pembukaan Pusat Perubatan Sukan Negara pada Julai 2019, diikuti dengan inisiatif-inisiatif pengkomersialan dan inisiatif awam-swasta bersama sektor korporat serta pemain industri.
13. Pihak Kementerian Belia dan Sukan menyokong penuh inisiatif ISN yang telah Berjaya menubuhkan **enam anak syarikat yang berfungsi sebagai perintis sistem penjanaaan pendapatan dan pengkomersialan** dan adalah menjadi harapan saya agar pada masa hadapan lebih banyak jalinan kerjasama bersama rakan-rakan strategik ISN dari pihak swasta.
14. Selain kejayaan penubuhan anak-anak syarikat, ISN juga telah mengembangkan sayapnya dengan mengkomersialkan perkhidmatannya melalui pelancaran **Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN)** bagi membuka peluang kepada orang awam mendapatkan rawatan **perubatan sukan, fisioterapi dan rehabilitasi, urutan sukan dan pemulihan** bertaraf antarabangsa dengan caj perubatan berpatutan ditawarkan adalah 20 hingga 30 peratus lebih rendah daripada caj perubatan swasta.
15. Bertitik tolak daripada pelancaran PPSN yang memfokuskan kepada perkhidmatan perubatan sukan, kini **PPSN 2.0** ataupun dikenali sebagai **ISN Performance Center** juga bakal berkembang dalam memberikan perkhidmatan sains sukan

berbayar kepada kumpulan sasaran iaitu orang awam dan atlet di luar program MSN. Secara spesifiknya, *ISN Performance Center* akan menawarkan perkhidmatan pendidikan sains sukan meliputi konsultasi, perancangan persediaan, pelan perkhidmatan prestasi tinggi dan perkhidmatan semasa kejohanan dan latihan.

Tuan-tuan dan Puan-Puan Sekalian,

16. Saya juga berbangga dengan gabungan kepakaran sains sukan, dan hasil penyelidikan teknologi sukan berimpak tinggi dibawah inisiatif ISN sebagai *centre of excellence* (COE) teknologi sukan. Penghasilan basikal prestasi tinggi WXR-Vorteq, menggunakan pendekatan *marginal gains* dapat membantu meningkatkan prestasi pelumba berbasikal trek negara. Setiap perincian dalam *performance solution* diambil kira dalam mencapai hasil dan mengalakkan reka bentuk inovatif dengan penggunaan teknologi terkini.
17. Alhamdulillah, berkat usaha tersebut berjaya membuahkan hasil apabila ***The Pocket Rocketman*** negara, Dato' Azizulhasni Awang yang telah berjaya memenangi pingat perak dalam acara berbasikal trek di Sukan Olimpik Tokyo 2020. Satu pencapaian yang amat membanggakan kita semua, dan saya juga dimaklumkan bahawa Kerajaan juga bakal meneruskan sokongan kewangan terhadap projek R&D&C basikal ini dalam usaha negara memburu emas pertama negara dalam Sukan Olimpik Paris 2024. Bagi pihak KBS saya mengucapkan terima kasih atas sokongan tersebut dan juga ingin melahirkan rasa penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu kejayaan program berbasikal trek selama ini.

18. Seajar dengan pengiktirafan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kepada ISN sebagai Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi Sukan Negara, ISN juga bakal melancarkan **4 inisiatif utama** bagi terus melonjakkan bidang teknologi sukan iaitu:

(i) Sports Technology R&D Program;

(ii) Sports Technology Accelerator LAB (STAL);

(iii) Sports Technology R&D Commercialization; dan

(iv) Sports Product Quality Enhancement Program.

Ini merupakan satu anjakan paradigma kepada masa depan teknologi dan inovasi sukan negara yang bakal melonjakkan nama Malaysia di mata dunia, dan ianya juga adalah sejajar dengan pemangkin dasar di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu **mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi yang menjadi asas kepada pembangunan Malaysia bagi tahun-tahun yang mendatang.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

19. Saya juga dimaklumkan bahawa pada hari ini ISN juga bakal melancarkan ***Integrated High Performance Recovery Centre*** yang menawarkan perkhidmatan pemulihan kecederaan bertaraf antarabangsa kepada atlet berprestasi tinggi dan juga kepada orang awam, and the first of its kind in Malaysia. Saya percaya kemudahan bertaraf dunia ini yang dimiliki ISN ini bakal memberi inspirasi serta mencorak eksosistem sukan negara dalam dekad ini.

20. Atas strategi dan inisiatif; yang progresif dan inovatif ini, saya merasa amat berbangga dengan pencapaian ISN dan percaya ISN akan terus memainkan peranan yang utama selaku pemacu bidang sains, perubatan dan teknologi sukan.

21. Tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua yang telah menunjukkan komitmen sehingga ISN berjaya berada di tahap yang membanggakan dan menjadi entiti tunggal dalam menerajui kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan di Malaysia.

Saya akhiri ucapan saya dengan berkongsi pepatah Inggeris dari Michael Jordan;

“If you run into a wall, don’t turn around and give up. Figure out how to climb it, go through it or work around it”.

Selamat Maju Jaya buat ISN

Dengan lafaz Bismillahirrahanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-10 Institut Sukan Negara.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

